

04 SEP 2002

Ling-MCA/I

PENDAPAT PM MENGENAI LIM AH LEK SAMA DENGAN CC, KATA DR LING

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek bukan calon sesuai bagi jawatan pengerusi jawatankuasa disiplin parti adalah sama dengan pendapat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA.

Dr Ling berkata CC mendapati jawatankuasa yang diketuai Lim sebelum ini terlibat secara langsung dengan masalah parti.

"Pandangan perdana menteri mengenai Ah Lek ialah apa yang dilihat oleh CC semasa kami menyusun semula jawatankuasa disiplin parti," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata MCA mahu pihak yang berkecuali mengendalikan jawatankuasa disiplin dan mengambil tindakan sewajarnya.

Dr Ling diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa Lim bukan calon yang sesuai untuk menerajui jawatankuasa disiplin kerana beliau terlibat secara langsung dengan masalah parti.

Dr Mahathir berkata bahawa tidak mungkin seseorang yang terlibat dalam kontroversi dapat melaksanakan tugasnya sebagai pengerusi bagi jawatankuasa itu kerana satu daripada tanggungjawab utamanya ialah membincangkan kontroversi yang berbangkit dalam parti.

Selain Lim, anggota lain jawatankuasa itu ialah naib-naib presiden Datuk Dr Fong Chan Onn dan Datuk Chua Jui Meng, ketua Wanita Datuk Dr Ng Yen Yen dan ketua Pemuda Datuk Ong Tee Keat, yang diganti dengan anggota veteran parti diketuai oleh bekas setiausaha agung Datuk Kam Woon Wah.

Empat anggota veteran lain ialah Datuk Dr Wee Khoo Hock, Datuk Wong Seng Chow, Datuk Chan Kit Chee dan Wang Choon Wing.

Dr Ling berkata jawatankuasa disiplin baru itu akan mengkaji garis panduan baru berkaitan dengan hal-ehwal disiplin.

"Kami mahu mereka mengkaji garis panduan Umno, Gerakan, MIC dan parti komponen lain BN yang mungkin boleh dimasukkan dalam perlembagaan parti kami," katanya.

Ditanya mengapa perlunya garis panduan baru, beliau berkata MCA perlu mengkaji contoh-contoh lain kerana Perlembagaan MCA hanya menyediakan garis panduan asas.

-- BERNAMA

AT AHH TS NAK